



6

**Pekan Bangi**

8h · 🌐



Catatan Sejarah Awal Sekolah Kebangsaan Bangi. Sempena Ulang tahun ke 100.

Sekolah ini merupakan sekolah terawal dibangunkan di Bangi dan dibuka pada 13 September 1924 dengan nama 'Bangi Malay School'. Nama sebutan di kalangan penduduk tempatan untuk sekolah ini adalah 'Sekolah Bangi' sejak dahulu hinggalah sekarang ini. Ia merupakan Sekolah Melayu ke-7 yang dibina di daerah Hulu Langat dan merupakan salah sebuah sekolah daripada 72 Sekolah Melayu yang terdapat di dalam negeri Selangor pada masa itu. Sekolah Agama Bangi (Bangi Mohammadan Religious School) pula mula dibangunkan setahun kemudian pada 1925 di kawasan tanah milik Masjid Bangi dan mula beroperasi pada tahun 1926.

Sekolah Melayu Bangi ini dibina di kawasan pinggir hutan Bangi Forest Reserve berdekatan Stesen Keretapi Bangi. Bangunan sekolah yang berukuran 30 x 50 kaki ini telah dibina dengan menggunakan batang kayu hutan, beratapkan nipah, berlantaikan simen dan berdinding sekerat papan yang dicat putih dan kuning.

Kumpulan pertama pelajar Sekolah Melayu Bangi ini pada tahun 1924 adalah berjumlah 24 orang dan hanya 2 orang daripadanya pelajar perempuan. Pada tahun 1925 pelajar Sekolah Melayu Bangi dilaporkan meningkat kepada 76 orang. Umur pelajar pada ketika itu bermula pada usia 7 tahun namun ada juga berumur belasan tahun belajar di kelas yang sama dan darjah tertinggi pada waktu itu adalah darjah 5. Pelajar awal sekolah ini adalah kanak - kanak dari sekitar kampung dan Pekan Bangi iaitu Kg. Bangi, Kg. Masjid dan Batu 24 Bangi. Kemudiannya pelajar dari kampung - kampung lain sekitar Bangi seperti dari Jenderam, Batu 5, Sg. Kembung, Batu 3, Sg. Buah, Teras Jernang, Kg. Bahagia, Rinching Hilir juga turut mendapatkan pendidikan awal mereka di sekolah ini.

Sepertimana Sekolah Melayu lain pada waktu itu tiada pakaian seragam sekolah diwajibkan pada pelajar. Biasanya pelajar lelaki memakai kain pelikat, berbaju teluk belanga dan bersongkok. Perempuan pula berkain batik, memakai baju kurung atau kebaya. Kasut atau selipar dipakai jika ada, kalau tidak berkaki ayam sahaja ke sekolah. Guru pula pada waktu itu berbaju cotton tebal kolar nehru butang lima semacam pakaian drebar waktu itu dan berkain pelikat atau berbaju melayu lengkap bersamping dan bersongkok.

Guru - guru yang bertugas semasa itu adalah dikalangan guru lelaki yang punya kemahiran asas menulis, membaca, mengira dan mengaji dalam rumi dan juga jawi. Antara guru awal Sekolah ini adalah Cikgu Husin Paduka. Kebiasaannya pada waktu itu hanya ada seorang guru untuk sebuah sekolah dan ditambah dengan seorang lagi penolong guru atau guru pelatih. Gaji guru waktu itu adalah berjumlah \$20 ringgit manakala guru besar \$35 ringgit sebulan. Guru sekolah Melayu dibenarkan membuat potongan gaji sebanyak \$4 sebulan untuk membeli basikal di gedung Robinson di Java Street Kuala Lumpur berbanding guru di Sekolah Inggeris yang dibenarkan membuat potongan gaji untuk membeli motosikal "Norton" atau "AJS" di kedai yang sama.

Pelajar sekolah pada waktu itu belajar menggunakan papan batu / loh yang perlu dicuci dan digilap bersih setiap hari. Guru pula mengajar menggunakan papan hitam yang disangga dengan kayu easel. Mata pelajaran waktu itu adalah asas mengira Ilmu Hisab, Ilmu Alam dan Tawarikh, Ilmu kesihatan, kemahiran membaca, menulis dan mengarang dalam jawi dan juga rumi. Ilmu kemahiran juga diajarkan kepada pelajar seperti kaedah bercucuk tanam, cara memperbaiki alatan menangkap ikan, cara mengawal anai - anai, ilmu menjahit dan menyulam. Setiap mata pelajaran berlangsung selama 20 minit. Waktu belajar pula adalah



6

Antara buku - buku yang biasa digunakan dalam sesi pembelajaran semasa itu adalah Benih Akal, Jolong Bacaan, Chanai Bacaan, Pemimpin Pengetahuan, Hikayat Abdullah dan sebagainya.

Duit belanja sekolah pelajar tahun sekitar 1920an adalah sebanyak 1 atau 2 sen sahaja. Dengan 1 sen dapatlah seorang pelajar membeli sebungkus nasi lemak, sepinggan mee atau sebatang tebu pada waktu itu.

Daripada 'sekolah atap' pada 1924 Bangi Malay School/ Sekolah Melayu Bangi kemudiannya berkembang dengan pembinaan bangunan baru siap digunakan pada tahun 1937- 1938 yang lebih moden dan megah yang kemudiannya telah menjadi salah satu struktur bangunan paling ikonik di Bangi. Kemudian pada tahun 1954 dan 1983 blok bangunan baru sekolah ditambah mengikut keperluan semasa dan pertambahan penduduk di Bangi.

Kewujudan Bangi Malay School/ Sekolah Melayu Bangi yang kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Bangi selama ini telah berjasa besar dalam memberi makna, identiti dan nilai dalam sejarah perjalanan hidup setiap penduduk Bangi yang pernah menuntut ilmu di sebuah sekolah yang selama satu abad telah berfungsi sebagai institusi sosial dan simbol penting di tanah nenek moyang kita yang tercinta ini.

Salam 100 Tahun Sekolah Bangi... Ilmu Pelita Hidup!

Oleh Faizal Zainal

Bekas pelajar SKB 1982 - 87

* Lukisan cat minyak karya Faizal Zainal bertajuk 'SKB 100 Tahun' menggambarkan permandangan Bangi Malay School / Sekolah Melayu Bangi pada tahun 1924 adalah adaptasi pelukis berdasarkan memori bekas pelajar SK Bangi 1947 - 1953 Zainal Bin Harun (86 tahun).

[#KakMin](#)

[#jatibangi](#)





6

Suka

Komen

Hantar

Kongsi

Semua komen



Komen sebagai Syahrul Sazli Shaharir



Peminat Teratas

Firdaus Aus Zainal



4h Suka Balas 6



Peminat Teratas

Rabitah Jalaludin

Firdaus Aus Zainal ... Bnyk lg gambar lama dlm simpanan Firdaus Zainal ... Kena cuci semula n frame kan

3h Suka Balas Telah disunting



Alil AJ

Firdaus Aus Zainal pernah hadir rasmikan hari sukan & mesyuarat Pibg .masa zaman arwah tok dagang aminudin

1h Suka Balas



Reply to Firdaus Aus Zainal



Peminat Teratas

Rabitah Jalaludin

Selamat menyambut ulangtahun ke 100 SKBangi...

Semoga apa yg Alumni perjuangkan tercapai, bangunan dewan akan di pulihara n kembali berdiri teguh ...

Terima kasih telah berbakti kpd kami Lihat seterusnya

8h Suka Balas

16



Peminat Teratas

Rohani Haji Ahmad · Ikuti

Rabitah Jalaludin well said

7h Suka Balas



Reply to Rabitah Jalaludin



Noriah Aziz

Kenangan abadi yang daku simpan.Arwah datuk ku,Cikgu Omar bin Abdul Ghani AlFathiba (dihara)





5h **Suka** **Balas** Telah disunting 7



Peminat Teratas
Firdaus Aus Zainal



4h **Suka** **Balas** 7



Noriah Aziz
Firdaus Aus Zainal bila agaknya gambar ini diambil,Aus?

3h **Suka** **Balas**



Reply to Firdaus Aus Zainal



Peminat Teratas
Firdaus Aus Zainal

Antara anak anak BANGI 1940 an..Mak pun dah usia 80lebih..Mak gambar depan 2 Dari kanan



4h **Jagaan** **Balas** 7



Noriah Aziz
Firdaus Aus Zainal semoga Makngah sihat selalu.

3h **Suka** **Balas**





6



Peminat Teratas

Rabitah Jalaludin

Firdaus Aus Zainal ... Allahuakbar ada lg simpan gmbr ni ... Kena cucu semula ni ..❤️❤️❤️

3h Suka Balas



Reply to Firdaus Aus Zainal

**Nur Aina**

Assalamualaikum. Maaf ye mencelah. Saya bukanlah warga asal bangi namun kini saya menetap di bangi dan anak saya pun bersekolah di SK Bangi. Jika bangunan warisan ini sudah mencapai 100tahun, mengapa pihak kerajaan negeri tidak mengambil alih untuk men... **Lihat seterusnya**

5h Suka Balas

7



Peminat Teratas

Rabitah Jalaludin

Nur Aina ... Sy sgt menyanjung pendapat Aina , kami Alumni SKBANGI sgt terharu bila ada insan yg ambik berat ttg perkara ini... Tp sgt sedih bila ada insan yg kata " robohkan jer" tanpa mengira faktor sejarah, warisan Dan perasaan komuniti setempat ... Bangunan yg satu ini saja yg tinggal sebagai peninggalan sejarah ia Masih boleh di pulihara n d guna semula... Tp semua nk ambil kerja mudah tanpa mengira sensitiviti masyarakat setempat...
Slmt ulangtahun 100thn SKBangi . Semoga teguh berdiri sebagai warisan negara...

3h Suka Balas Telah disunting



Peminat Teratas

Norshidah Nordin

Rabitah Jalaludin semoga ada keajaiban drp ALLAH swt

3h Suka Balas



Reply to Rabitah Jalaludin



Peminat Teratas

Norshidah Nordin

Nur Aina andalah satu2 nya yg seolah2 memberi semangat kpd kami yg sygkan kenangan ini..namun diluar sana ramai yg mencemuh akn tindakan ALUMNI walaupun membuat bantahan secara aman..sehinggakan tudung yg dipakai oleh beberapa org dlm video tu pun diambil kira..ayat paling bagus utk org yg nenghina itu seolah2 dialah yg terpaling!!!!
KAYA..CANTIK..PANDAI!!!

3h Suka Balas

**Norhayu Nordin**

Nur Aina terima kasih puan kerana memberi pandangan yang sangat bijak. Walaupun puan bukan asal Bangi tapi saya pasti puan faham perasaan kami anak² jati Bangi yang membesar dan bersekolah di SKB 🥹
Terima kasih Puan ❤️❤️





6



Den Nordin

Norhayu Nordin Sama sy pun , bukanye ank didik DiSKB * terharu apabila membaca ,info ini ,nk ditubuhkan , apesalahnye di ubahusaikn saje, x hilanglah SJARAH AWAL PENUBUHAN YE, * MCM skolah sy ,SKC , di CHNGLUN KEDAH ,didirikan pada tahun 1896 , kini s... **Lihat seterusnya**

1h **Suka** **Balas**



Den Nordin

Maaf silap ejaan tu [di RUBUHKSN]

1h **Suka** **Balas**



Norhayu Nordin

Den Nordin sepatutnya begitulah tuan. Sensitiviti pada masyarakat tempatan takde macam tu lah jadinya. Mereka bukan anak Bangi, itu yang boleh buat keputusan nak robohkan bangunan yang bersejarah bagi kami anak² jati Bangi.

52m **Suka** **Balas**



Reply to Norhayu Nordin



Reply to Nur Aina



Peminat Teratas

Firdaus Aus Zainal



4h **Suka** **Balas** 5



Peminat Teratas

Rabitah Jalaludin

Catatan yg sangat baik n menyentuh jiwa...

Tahniah En Faizal b Zainal yg dapat beri gambaran n mengadaptasi keadaan bangunan asal Sekolah Melayu Bangi utk tatapan semua..

8h **Suka** **Balas** Telah disunting

13



Faizal Ajai Zainal

Rabitah Jalaludin sama - sama cikgu, ini sahaja sedikit usaha dalam merakam sejarah secara tulisan dan lukisan yang boleh kita kongsi bersama perasaan sayang pada tempat asal kita.

3h **Suka** **Balas**

2





6



Peminat Teratas

Rabitah Jalaludin

Faizal Ajai Zainal ... Ini bukan usaha yg sedikit Faizal ... Ia sgt besar, sgt bermakna n sgt2 membantu generasi baru mengenali SKBANGI... Jutaan Tksah drp kami

3h **Suka** **Balas**



Reply to Faizal Ajai Zainal



Reply to Rabitah Jalaludin



Salamah Hassan

Merakam memori 100 tahun dan menangihi kehilangannya di pagi Jumaat 13/9/24. Tinggal dalam lipatan sejarah dan kenangan kami anak jati bangi.

Kpd generasi baru yg menghuni ...kena ingat....tiada kami yang memulai, tiada kalian di sini. Jadilah manusia yg bermaruah dan berakhlak terpuji... tiap kejayaan yang kalian julang bermula dari langkah yang pertama....

6h **Suka** **Balas**

3



Peminat Teratas

Norshidah Nordin

Tiada kata yg hendak diluahkan..hanya ank Jati Bangi shj tahu perasaan sedih akn berhadapan dgn kehilangan bangunan 100 thn ini..

7h **Suka** **Balas**

8



Aminredmi Saad

Semoga semua yang belajar di sini dan berkhidmat di sini diberikan rahmat dan kasih sayang Allah SWT.. menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara...aaminn



4h **Suka** **Balas**



Aminredmi Saad

Tahun 2012-2013.... Cantik lagi dewan ni..





6



4h **Suka** **Balas** 2



Peminat Teratas

Rabitah Jalaludin

Aminredmi Saad ... Sy ada baju Oren ni ...

3h **Suka** **Balas**



Reply to Aminredmi Saad



Norpishah Nordin

Sedih..tk dpt di gambarkan..terima kasih en Faizal b. Zainal, info yg di beri..moge ade keajaiban yg berlaku..

7h **Suka** **Balas**



Faizal Ajai Zainal

Norpishah Nordin sama - sama Kak, berkongsi sejarah sekolah kita.

48m **Suka** **Balas**



Reply to Norpishah Nordin



Peminat Teratas

Rohani Haji Ahmad · [Ikuti](#)

Wp saya hnya berkhidmat dari 1988-2000 di sini, byk kenangan terpahat di minda

7h **Suka** **Balas**



Peminat Teratas

Firdaus Aus Zainal

Rohani Haji Ahmad cikgu kelas saya 1988 5 cempaka

4h **Suka** **Balas**



Peminat Teratas

Rohani Haji Ahmad · [Ikuti](#)

Firdaus Aus Zainal saya mmg kenal kamu. Ada setengah2 mrd yg mmg cikgu x dpt.nk recall

4h **Suka** **Balas**



Reply to Firdaus Aus Zainal



Peminat Teratas

Rohani Haji Ahmad · [Ikuti](#)





6

4h Suka Balas



Reply to Rohani Haji Ahmad



Azimah Abd Hamid
Memori yg syahdu

8h Suka Balas 3



Peminat Teratas

Faisal Alias

dulu bukan sahaja sekolah... tp tempat beriadah org kampung utk bersukan tak kira waktu boleh masuk sekolah..

8h Suka Balas

2



Mohd Que · Ikuti
Faisal Alias mantap acik...

6h Suka Balas



Reply to Faisal Alias



Peminat Teratas

Pangeran De Panegoro Pangeran

Selamat menyambut ulang tahun ke 100thn

5h Suka Balas



Zeck Zack
zaman atok nyang den...

6h Suka Balas 2



Mazri Ayie
Zeck Zack Selamat menyambut Ulang tahunke 100 SK Bangi Kenangan ...semua ..Saya bkn Sekolah di Bangi Tapi Saya dari Kecik skolah di Kajang ...minta pertahankan skolah lama atau repair dn bagi cantik balik

3h Suka Balas



Reply to Zeck Zack



Stamp Notes Legacy
sekolah 100 tahun boleh buat setem issue by pos malaysia. Macam sm chun ling, sm yu hua

6h Suka Balas



Stamp Notes Legacy
Mckk 100 tahun pun issue setem





6h Suka Balas



Reply to Stamp Notes Legacy



Nurul Finaz Aziz
Wow Hari ni 🤩 Genap 100y SKB 🥳

6h Suka Balas Telah disunting



Ebby Alonso
Nurul Finaz Aziz ko alumni ke?haruslah selebret

3h Suka Balas



Reply to Nurul Finaz Aziz



Alil AJ
Ada lagi tak ? Bangunan sekolah yg bertiang ,nak naik kena naik tangga

1h Suka Balas



Suleiman Abd Karim
mcm sekolah buta huruf filem Pendekar Bujang Lapok

55m Suka Balas



Zhafran Zharif
sayang kalau robohkan. bangunan bersejarah. sepatutnya dikekalkan untuk generasi akan datang. tapi apa boleh buat kos penjagaannya tinggi. nak guna bajet mana

4h Suka Balas



Farid Zain
sangat bersejarah

5h Suka Balas



Peminat Teratas

Soonde De
Sekolah kebangsaan Bangi senonim dgn bas sum warna merah.tiap hari naik.

7h Suka Balas



Haireyah Mohd Harun
Admin **Pekan Bangi** ,tu gambar betul ke lukisan?

7h Suka Balas

2



Pengarang





6



/h Suka Balas



Reply to Haireyah Mohd Harun



Mohd Hazri Mahmud



7h Suka Balas 



Roziana Othman
Robiah Ruby .seronok baca sejarah.

6h Suka Balas 



Shaiful Shafiee
Manaafaat Untuk dapatkan ilmu..

7h Suka Balas



Dayang Senandung Azila
Ank2 semua ex sk bangi ni.. tenang je sek ni

7h Suka Balas



Ruz MA
Naim Fikri

6h Suka Balas 

